

Kursus praktikal haji tingkat kefahaman pelajar

KLUANG - Seramai 330 pelajar dari 28 sekolah menengah di daerah ini diberi pendedahan khusus secara praktikal mengenai kaedah mengerjakan ibadah haji dan umrah.

Penyelia Kanan Pendidikan Islam, Pejabat Pendidikan daerah Kluang, Rokiyah Taib berkata, menerusi program Labbaika Ya ALLAH Kursus Ibadah Haji dan Umrah, pelajar diberi pendedahan dan ditanamkan dalam mereka agar bercita-cita untuk menunaikan ibadah rukun Islam kelima itu.

Menurutnya, program itu turut mendapat kerjasama daripada Lembaga Tabung Haji dan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM).

"Ini merupakan program yang kedua dianjurkan melibatkan banyak sekolah, membabitkan pelajar tingkatan empat dan lima.

"Sebelum ini, program kursus haji dan umrah pernah diadakan di Sekolah Menengah Sains Johor pada dua tahun lepas.

"Objektif utamanya untuk melaksanakan pengajaran dan pem-



Pelajar berjalan menuju ke tempat praktikal mengerjakan ibadah haji dan umrah.

belajaran, yang juga sebahagian sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiyyah tingkatan empat," katanya selepas program itu di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ), semalam.

Rokiyah berkata, pendedahan itu juga bertujuan memantapkan tahap kefahaman pelajar terhadap konsep ibadah haji dan umrah sebagai satu pengenalan.

Katanya, pihaknya turut memberi pendedahan teori dan praktikal

secara langsung kepada pelajar.

"Setelah kursus ini tamat pelajar yang terlibat boleh aplikasikannya, sekiranya berpeluang mengerjakan ibadah haji atau umrah kelak.

"Pejabat Pendidikan Daerah juga akan jadikan program ini satu program wajib melibatkan semua sekolah di daerah ini," katanya.

Hadir merasmikan kursus, Ketua Jabatan Kesukarelawan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum UTHM, Dr Zahrul Akmal Damin.